

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan membina lebih banyak unit-unit rumah dalam program Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diperlukan oleh warga kawasan daerah Tawau dan daerah Kalabakan memandangkan terdapat lebih 10,000 keluarga yang masih menduduki tanah-tanah milik Kerajaan tanpa kebenaran dan dikategorikan sebagai setinggan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana prihatin mengenai masalah setinggan di Sabah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni (*livable*) kepada pelbagai kumpulan sasar, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2021, jumlah rumah setinggan bagi keseluruhan Sabah adalah sebanyak 23,778 unit. Kalabakan adalah termasuk dalam daerah Tawau. Bagi daerah Tawau pula, jumlah rumah setinggan adalah sebanyak 3,600 unit.

Pelaksanaan projek **PPR di Sabah setakat ini merupakan bilangan yang terbesar** iaitu sebanyak **33 projek yang telah siap dibina** merangkumi **23,009 unit** dan **5 projek dalam pembinaan merangkumi 3,090 unit**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,897 unit masih belum diisi iaitu 2,794 unit (di Semporna, Sandakan, Kota Belud dan Lahad Datu) digunakan sebagai pusat kuarantin COVID-19. Selebihnya masih dalam proses pengisian oleh Kerajaan Negeri. **Di Tawau terdapat 2,872 unit PPR telah siap dibina manakala di Kalabakan pula terdapat 470 unit PPR telah siap dibina.**

Selain itu, sebanyak 5 projek PPR sedang dalam pembinaan di Sabah seperti berikut:

- i. PPR Kiansom, Inanam (1000 unit);
- ii. PPR Jalan Tungku, Lahad Datu (650 unit);
- iii. PPR Gayang II, Tuaran (500 unit);
- iv. PPR Tagasan (500 unit); dan
- v. PPR Pitas (440 unit).

Kerajaan akan terus komited dalam menyediakan PPR kepada golongan yang memerlukan. Pihak Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti cadangan lokasi yang bersesuaian untuk program-program perumahan mampu milik dan seterusnya berbincang dengan pihak Kementerian untuk menambah bilangan RMM di Sabah, khususnya di daerah Tawau dan Kalabakan.

Sekian, terima kasih.